

Kyrgyz contohi pelan pembangunan ekonomi kita

PUTRAJAYA 5 Ogos — Laporan ekonomi mengenai Republik Kyrgyz yang disiapkan oleh para pegawai Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah dijadikan asas dalam merangka pelan pembangunan ekonomi 10 tahun negara itu.

Laporan yang dihasilkan menerusi pengalaman Malaysia itu mengandungi perincian mengenai segala aspek pembangunan yang akan mencorakkan arah haluan bagi pembangunan secara menyeluruh republik tersebut.

Ia diserahkan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Presiden Republik Kyrgyz, Askar Akayev ketika mengadakan lawatan rasmi ke negara itu lima tahun lalu.

Sebagai penghargaan, pelan pembangunan itu kini dikenali di kalangan penduduk negara tersebut sebagai Pelan Pembangunan Ekonomi Dr. Mahathir.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Kerajaan Kyrgyz amat menghargai hubungan dan kerjasama yang terjalin antara kedua-dua negara dan berharap ia akan terus dipertingkatkan.

“Republik Kyrgyz menganggap Malaysia sebagai negara contoh kepada pembangunan negara itu dan berharap Malaysia sedia terus membantu,” katanya selepas mesyuarat delegasi Malaysia dengan Republik Kyrgyz di sini hari ini.

Mesyuarat tersebut diadakan sempena lawatan rasmi Akayev selama tiga hari bermula hari ini.

Delegasi Malaysia diketuai oleh Dr. Mahathir manakala Akayev mengetuai delegasi Republik Kyrgyz.

Syed Hamid berkaia, hasil hubungan rapat antara kedua-dua negara itu, banyak syarikat Malaysia mula bertapak di negara itu termasuk MIMOS Berhad, SIRIM Berhad, Kumpulan Sapuan dan Malaysian Mining Corporation (MMC).

Malah, katanya, Kerajaan Kyrgyz juga akan mewujudkan sebuah kawasan perdagangan bebas untuk usahawan-usahawan dari Malaysia melabur di negara itu.

Penerbangan

Katanya, Malaysia bersedia meningkatkan pelaburan di negara itu tetapi rmminta jaminan supaya dasar pelaburan tidak selalu bertukar dan iklim pelaburan yang baik.

Beliau berkata, hubungan Malaysia • Republik Kyrgyz juga akan diperkukuhkan dengan penerbangan pertama dari Kuala Lumpur ke Bishkek, esok.

Katanya, penerbangan menggunakan pesawat Airbus itu adalah hasil usaha sama antara Kyrgyz International Airlines dengan Kumpulan Sapuan.

Dalam mesyuarat delegasi itu, kata Syed Hamid, Republik Kyrgyz meminta Malaysia menyokong usaha

untuk mengadakan dialog antara Pertubuhan Keselamatan dan Kerjasama Eropah (OSCE) dengan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Katanya, pemimpin itu yakin dialog tersebut mampu meningkatkan kefahaman masyarakat Eropah terhadap Islam, sekali gus dapat menangkis tuduhan yang mengaitkan Islam dengan keganasan.

“Kita akan lihat tarikh yang sesuai kerana kita telah mengadakan dialog antara OIC dengan Kesatuan Eropah pada tahun ini,” katanya.

Dalam soal keganasan, kedua-dua negara bersetuju supaya punca kepada keganasan dikenal pasti sebelum tindakan yang tepat dapat diambil.

Katanya, kedua-dua pemimpin berpendapat bahawa selagi soalketidadilan tidak dapat ditangani, isu keganasan sukar untuk dihapuskan.

“Dr. Mahathir turut membangkitkan soal keganasan yang dilakukan oleh Israel terhadap Palestin yang merupakan punca kepada berlakunya keganasan yang berterusan di Asia Barat,” katanya.

Pada akhir mesyuarat itu, dua memorandum persfahaman (MoU) dan satu perjanjian ditandatangani antara kedua-dua negara iaitu mengenai peraturan pemayaran dua hala dan dalam bidang statistik.

Kerajaan Malaysia turut menyumbangkan 15 buah komputer untuk kegunaan kerajaan Republik Kyrgyz.